NEGERI JOHOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil .63 **10hb Oktober 2019** **No. 21**

No. 4087.

FATWA HAK BAITULMAL DALAM PUSAKA ORANG ISLAM

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SUBSEKSYEN 48(6)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 *[Enakmen 16 Tahun 2003]*, Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Johor, atas perintah dan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan, menyediakan fatwa yang dinyatakan di bawah untuk disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

Berdasarkan kepada pendapat Imam Syafie bahawa harta pusaka si mati boleh terhak kepada Baitulmal yang ditadbir urus dengan baik seperti yang ada sekarang. Harta pusaka yang terhak kepada Baitulmal adalah harta yang ditinggalkan oleh si mati yang tiada waris atau tiada waris yang layak menghabisi harta tersebut setelah dibahagikan kepada waris yang berhak mengikut Hukum Syarak.

Bertarikh 12 Zulkaedah 1440 / 15 Julai 2019
[JMJ.351/04/01/6/43; PPUUNJ.R.600-1/5/8(9)]

Dengan Titah,

DATO' HAJI YAHYA BIN AHMAD
Mufti Negeri Johor

HAJAH SHUBANAH BINTI YUSUF
Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor